



Ruj. Kami : PMS/UP/656 - 3 JLD. 4 ( 16 )  
 Tarikh : 15 Oktober 2010

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
 Dan Wilayah Persekutuan Labuan  
 Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah  
 Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH**  
**BIL. 5/2010**

**PEMANSUHAN KONTRAK PUSAT PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN**  
**KERTAS FOTOSTAT/PENDUA KEPADA SEMUA JABATAN DAN BADAN**  
**BERKANUN PERSEKUTUAN DI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**LABUAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah menyemak semula kaedah perolehan bagi item kertas fotostat/pendua yang dilaksanakan secara Kontrak Pusat. Selaras dengan matlamat Kerajaan bagi meningkatkan daya saing, perolehan yang telus berlandaskan prinsip-prinsip perolehan serta harga yang kompetitif, maka Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya item berkenaan dikeluarkan dari Kontrak Pusat mulai **15 Oktober 2010**. Selepas tarikh tersebut, perolehan bagi item berkenaan akan dilaksanakan oleh semua agensi Kerajaan di Sabah dan W.P Labuan mengikut tatacara perolehan semasa yang masih berkuatkuasa.

3. Surat Edaran Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) ini adalah berkuatkuasa mulai **15 Oktober 2010**. Dengan berkuatkuasanya Surat Edaran PMS ini, maka Surat Pekeliling Kontrak PMS/UKP/01/2008 adalah terbatal.

Sekian. Terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menurut perintah,

  
**(YUSOF BIN HAJI SARANGIT)**  
 Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah